

The Concept of Zuhud Based on Fiqh Al-Hadith

Mohammad Fahmi Abdul Hamid*, Ishak Hj Suliaman, Mohd Farhan Md Ariffin

Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur

fahmihamid8811@gmail.com

Abstract

Zuhud in mysticism is a discipline aimed for better quality of lifestyle. The true concept of Zuhud is a modest style of living. Therefore, practitioners of mysticism need to emphasize Zuhud in their life. However, problems occur when practitioners do not implement the true concept of Zuhud in mysticism. This article elaborates on the concept of Zuhud according to al-Kitab al-Zuhud which is based on al-Kuttub al-Sittah. Using the qualitative and quantitative analysis, there were 555 hadith in the Kitab al-Zuhud based on al-Kuttub al-Sittah. 421 were hadith sahih, 53 da'if, 41 hasan, 21 hasan sahih, 11 da'if jiddan, 4 sahih lighairih, 2 mawdu' and 2 munkar. As a conclusion, the true concept of Zuhud based on fiqh al-Hadith consists wealth and live, deeds, speeches, foods, earnings, wara' tawadu', redha, and be content.

Keywords: Mysticism, Concept of Zuhud, Number of hadith Zuhud, Fiqh al-Hadith Zuhud

Konsep Zuhud Menurut Fiqh Al-Hadith

Abstrak

Disiplin zuhud dalam ilmu tasawuf merupakan disiplin yang bertujuan menghasilkan cara hidup berkualiti. Konsep zuhud yang sebenar merupakan satu konsep kehidupan yang sederhana. Oleh yang demikian pengamal tasawuf perlu menitik beratkan amalan hidup berzuhud. Namun masalah mulai timbul apabila pengamal tidak mengamalkan konsep zuhud sebenar dalam bertasawuf. Artikel ini menghuraikan mengenai konsep zuhud menurut fiqh al-hadith zuhud dalam Kitab al-Zuhud bersumberkan al-Kutub al-Sittah. Melalui analisis kualitatif dan kuantitatif, terdapat 555 hadith yang terdapat dalam kitab zuhud bersumberkan al-Kutub al-Sittah. 421 hadith adalah hadith sahih, 53 da'if, 41 hasan, 21 hasan sahih, 11 da'if jiddan, 4 sahih lighairih, 2 mawdu' dan 2 munkar. Kesimpulannya, konsep zuhud menurut fiqh al-hadith meliputi harta dan kehidupan dunia, amal ibadat, percakapan, makanan, mencari rezeki, wara' tawadu' redha, dan pendek angan-angan.

Kata Kunci: Tasawuf, Konsep Zuhud, Bilangan Hadith Zuhud, Fiqh al-Hadith Zuhud

Pendahuluan

Perkataan zuhud berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu al-Zuhd (الزُّهْد) yang merupakan terbitan daripada perkataan zahada (زَهَدَ) yang bermaksud tidak gemar atau tidak tamak kepada dunia. Mereka yang zuhud ialah mereka yang mempunyai sedikit harta tetapi merupakan orang yang paling baik disisi Allah s.w.t (Ibn Manzur, T.t). Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh al-Razi (1967) yang menyatakan bahawa perkataan zuhud ini adalah lawan kepada sifat gemar kepada dunia. Zuhud menurut kamus Dewan pula ialah kehidupan seseorang yang tidak dikuasai oleh kemewahan dan keseronokan dunia (Noresah Baharom;et.al, 2005).

Pandangan Sarjana Islam Berkenaan Zuhud

Menurut al-Ghazali (1996), Ibn 'Ata'illah (2005), Syeikh 'Abdul Qadir (1964), Syeikh Zainul Abidin Muhammad (2012) dan Johari Alias (1994) zuhud bermaksud meninggalkan dunia dan mencintai akhirat semata-mata. Manakala pendapat Ibn Qutaybah (1962) pula, zuhud tidak bermaksud mengeneipkan atau meninggalkan dunia secara keseluruhannya tetapi memiliki sikap tidak mengambil berat dan hanya mengambil sesuatu sekadarnya sahaja. Menurut Syeikh Idris Marbawi (T.t) dan Mohd Shauki (2004), zuhud bukanlah menjauhi kenikmatan duniawi tetapi tidak meletakkan nilai yang tinggi padanya dan menurut Al-

Syatibi (T.t) pula, tidak menyibukkan diri dengan hal keduniaan sehingga melupakan tugas-tugas sebagai hamba Allah s.w.t.

Menurut Hamka (1987), zuhud ialah tidak memikirkan hal keduniaan, kemegahan, harta benda dan pangkat. Menurutnya seseorang itu tidak boleh hanya memberi penumpuan kepada kerohanian semata-mata dan meninggalkan keduniaan secara keseluruhan kerana hal ini akan menimbulkan masalah lain. Menurut Hamka (2009) lagi, mereka yang zuhud ialah mereka yang memiliki harta tetapi hanya menggunakan harta tersebut untuk perkara yang berfaedah kepada agama. Ini bermaksud, bukannya meninggalkan segala kemewahan dunia, bukan yang malas serta lemah tidak berdaya tetapi mereka yang bersemangat juang dalam pekerjaan dan sanggup melakukan pengorbanan. Beliau menyimpulkan zuhud bermaksud seseorang itu perlu membahagikan antara kehidupan dunia dan akhirat (Hamka, 1971). Sa'id Hawwa (2004) berpendapat orang yang zuhud bukanlah meninggalkan harta ataupun yang berpura-pura meninggalkan harta kerana hal ini akan menyamai keadaan rahib yang tinggal di biara dan hanya makan makanan yang sedikit sahaja.

Menurut pendapat Abu Wafa' al-Taftazani (1970), zuhud bukanlah cara hidup yang menjauhkan diri daripada dunia tetapi perlu bekerja dan berusaha tanpa menjadikan dunia ini perkara utama dan tidak pula mengingkari perintah Allah s.w.t. Menurut Al-Falembani (2004), hakikat zuhud ialah meninggalkan perasaan kasih terhadap dunia kerana menginginkan sesuatu yang lebih baik di akhirat. Sedangkan tingkatan zuhud yang tertinggi menurut al-Falembani ialah meninggalkan kecintaan kepada sesuatu selain daripada Allah s.w.t sehingga meninggalkan kecintaan dan kecenderungan di dunia kepada sesuatu yang ada di alam akhirat.

Menurut Ibn al-Sammak, ahli zuhud ialah seorang yang tidak berasa gembira dengan apa yang diperolehinya ketika di dunia dan tidak juga berasa sedih kerana tidak memiliki apa-apa di dunia (Abu Talib Al-Makki, T.t). Menurut Syaqiq al-Balkhi dan Yusuf Asbat pula seseorang itu tidak dapat menyempurnakan zuhud melainkan dia yakin kepada Tuhan (Al-Qusyairi, 1989).

Menurut pendapat Hasan al-Basri, zuhud ialah gembira apabila menerima musibah dan menganggapnya sebagai balasan (Abu Talib Al-Makki, T.t). Hal ini sama dengan pendapat yang dinyatakan oleh Yunus Maisarah al-Jilani iaitu membuang atau meninggalkan dunia bukanlah dengan cara mengharamkan perkara yang halal tetapi meyakini Tuhan, lebih daripada meyakini diri kamu sendiri. Keyakinan yang sama dilakukan apabila berhadapan dengan situasi menggembirakan atau sebaliknya, kedua-dua keadaan tidak memberikan sebarang perbezaan (Abu Talib Al-Makki, T.t). Menurut Sufyan

al-Thawri (1989) dan Imam Ahmad (2001), zuhud dunia itu adalah pendek angan-angan dan bukannya dengan makan makanan yang tidak bermutu serta memakai pakaian yang kasar.

Jika dilihat kepada pandangan yang dikemukakan oleh ulamak berkenaan zuhud, seolah-olah terdapat suatu bentuk penolakan mutlak terhadap pemilikan harta benda, namun perkara utama yang perlu diketahui ialah yang berkaitan dengan penyucian hati daripada rasa teringin terhadap harta. Apabila dalaman hati dikawal, maka seseorang *zahid* itu dibenarkan melakukan aktiviti harian yang biasa. Bagi tujuan menundukkan hati dan menyesuaikan diri dengan dunia, seseorang seharusnya mengatasi godaan dunia tersebut dengan cara mengingati Allah, juga mengingati kematian dan hari akhirat.

Walau bagaimanapun, kebanyakan pendapat berkenaan zuhud menunjukkan bahawa konsep zuhud ini tidak melarang kepada kehidupan normal tetapi hanya membuat satu pembatasan dalam kehidupan, tetapi tidak memerlukan kepada suatu bentuk kehidupan asceticism yang bersifat fizikal. Kebanyakan pandangan mengemukakan konsep zuhud sebagai suatu cara hidup yang sederhana. Kesimpulannya, untuk menjadi zahid haruslah mengamalkan cara hidup Islam yang sederhana.

Perkaitan Konsep Zuhud dengan Pengamal Tasawuf

Disiplin ilmu tasawuf merupakan suatu cabang ilmu yang menghasilkan etika cara hidup berkualiti (Paul L. Heck, 2006). Selain itu, tasawuf juga merupakan jalan penyelesaian kepada kemelut masalah jati diri sejak zaman berzaman dan merupakan salah satu cara memurnikan akhlak di samping menjadi kaedah pembangunan jati diri ummah (Zakaria Stapa, 2012). Tasawuf yang terbaik ialah berpandukan kepada al-Quran dan al-Hadith iaitu mengikut Sunnah Nabi s.a.w (Said al-Nursi Badiuzzaman, 2007). Manakala bagi amalan tasawuf menyeleweng akan membawa kepada kerosakan dan kesesatan (Abdul Halim Mahmud, t.t). Masalah mulai timbul apabila ramai di kalangan pengamal tasawuf hanya mementingkan kepada penampilan luaran sahaja seperti hidup berzuhud tanpa mementingkan matlamat tasawuf yang sebenar (Abdullah Muhammad Zain, 2015).

Konsep zuhud merupakan salah satu maqam terpenting yang terdapat dalam disiplin ilmu tasawuf (Amin Syukur, 2000). Konsep ini dapat membantu dalam pembangunan sahsiah ummah jika setiap individu mengamalkan zuhud yang sebenar (Muhammad Uthman el-Muhammady, 1982). Selain itu, konsep ini juga merupakan satu konsep kehidupan yang sederhana dan perlu diaplikasikan dan dipraktikkan dalam segala bentuk kehidupan harian

(Amin Syukur, 2000). Konsep ini amat penting, terutama sekali bagi pengamal tasawuf kerana ianya merupakan salah satu *maqamat* yang perlu di lalui oleh seseorang sufi untuk mendekatkan diri kepada Allah swt (Abu Nasr as-Sarraj at-Tussi, 1960).

Kefahaman mengenai zuhud perlu didedahkan kepada masyarakat supaya mereka benar-benar faham maksud zuhud yang sebenar terutama pada pengamal tasawuf kerana terdapat dikalangan pengamal yang bertasawuf tetapi tidak mempraktikkan zuhud dalam kehidupan seharian. Menurut Zakaria Stapa (2012), kebiasaannya amalan tasawuf dikaitkan dengan fenomena ajaran sesat atau dakwah songsang yang muncul dari masa ke semasa. Hakikatnya tasawuf sudah mengalami perubahan yang ketara mengikut peredaran zaman (Aceng Kosasih, 2015) dengan penampilan pelbagai gaya orang yang hidup bertasawuf secara Islam (Maruyama Daisuke, 2015).

Hadith Zuhud dalam al-Kutub al-Sittah

Berdasarkan analisa terhadap taburan hadith zuhud melalui penelitian kepada nama kitab dan bab bagi setiap riwayat termasuk hadith-hadith yang berulang dalam Kitab al-Zuhud dan Kitab al-Riqaq bersumberkan al-Kutub al-Sittah. Riwayat al-Bukhari mempunyai 52 bab dan 278 hadith, Sahih al-Muslim 20 bab dan 105 hadith, Sunan Ibnu Majah 38 bab dan 243 hadith, diikuti dengan Jami' al-Tirmidhi 64 bab dan 110 hadith. Merujuk kepada dapatan kajian, hanya 3 sumber kitab hadith sahaja yang mempunyai Kitab al-Zuhud manakala al-Bukhari pula mempunyai Kitab al-Riqaq iaitu sama maksudnya dengan zuhud. Dua sumber hadith yang lain iaitu Sunan al-Nasa'i dan Sunan Abu Dawud tidak mempunyai Kitab al-Zuhud.

Pecahan status hadith-hadith zuhud dalam Kitab al-Zuhud dalam Jami' al-Tirmidhi dan Ibnu Majah sahaja dinyatakan. Bagi kitab Sahih al-Bukhari dan al-Muslim tidak perlu dipertikaikan lagi kesahihannya. Manakala hadith dalam Jami' al-Tirmidhi dan Ibnu Majah perlu kepada penelitian status hadithnya.

Taburan taraf hadith-hadith zuhud dalam Kitab al-Zuhud bersumberkan kitab Jami' Tirmidhi mempunyai 103 hadith dan tidak termasuk hadith berulang. Sebanyak 62 hadith yang dinilai adalah hadith sahih, 14 hadith da'if, 12 hadith hasan, 9 hadith hasan sahih, 3 hadith da'if jiddan dan 3 hadith sahih lighairih. Manakala status hadith-hadith zuhud dalam Ibnu Majah iaitu Terdapat 236 hadith dan tidak termasuk hadith berulang. Sebanyak 143 hadith yang dinilai sahih, 39 hadith da'if, 29 hadith hasan, 8 hadith da'if jiddan, 12 hadith hasan sahih, 2 hadith mawdu', 2 hadith munkar dan 1 sahih lighairih.

Kesimpulannya, jumlah hadith zuhud dalam kitab zuhud bersumberkan al-Kutub al-Sittah yang terdiri daripada Sahih al-Bukhari, Sahih al-Muslim, Jami'

Tirmidhi dan Sunan Ibnu Majah mempunyai sebanyak 555 hadith keseluruhannya (tidak termasuk hadith yang berulang). Daripada jumlah keseluruhan hadith, 421 hadith adalah hadith sahih, 53 da'if, 41 hasan, 21 hasan sahih, 11 da'if jiddan, 4 sahih lighairih, 2 mawdu' dan 2 munkar

Fiqh al-Hadith Berkenaan Hadith Zuhud

Fokus pemilihan hadith-hadith zuhud dalam al-Kutub al-Sittah adalah tertakluk kepada beberapa bentuk hadith yang berkaitan. [Pertama] Hadith yang menjelaskan konsep zuhud terhadap harta dan dunia, [Kedua] Hadith yang menyatakan bagaimana zuhud dalam amal ibadat, [Ketiga] Hadith yang menyatakan bagaimana zuhud dalam percakapan, [Keempat] Hadith yang menyatakan bagaimana zuhud terhadap makanan, [Kelima] Hadith yang menyatakan bagaimana zuhud dalam mencari rezeki, [Keenam] Hadith yang menyatakan zuhud itu adalah merangkumi wara', tawadu', redha dan pendek angan-angan. Pembentangan teks matan hadith hanya tertumpu dan menepati terhadap 6 aspek di atas sahaja.

Hadith pertama: Hadith yang menjelaskan konsep zuhud terhadap harta dan dunia

Terjemahan: Daripada Sahl bin Sa'd as-Sa'idi berkata, "Rasulullah s.a.w bersabda, "Bersikap zuhudlah di dunia, nescaya Allah mencintaimu dan bersikap zuhudlah terhadap apa yang ada di tangan manusia, nescaya mereka mencintaimu." (Sunan Ibn Majah, no hadith 4102)

Kehidupan dunia sememangnya dikasihi oleh manusia lebih-lebih lagi bagi mereka yang terlalu mengejar harta dunia. Menurut al-Sindi (1996), barangsiapa yang terlalu mengejar harta dunia maka dia akan dibenci oleh manusia dan sebaliknya. Zuhud dunia bukanlah dengan memilih kehidupan miskin tetapi zuhud dunia menuntut seseorang untuk memiliki kemewahan tetapi kemewahan itu tidak menguasai hati (Yusof al-Qaradawi, 2005).

Terjemahan: Daripada Abu Wa'il, "cukuplah bagimu dari harta tersebut seorang pelayan dan kenderaan yang digunakan untuk jihad di jalan Allah." "kemudian aku mendapatkannya dan mengumpulkannya." (Jami' Tirmidhi, no. hadith 2327)

Menurut 'Abdurrahman al-Mubarakfuri (T.t), hadith ini merupakan anjuran untuk mengumpulkan harta sekadar keperluan seperti orang yang bermusafir yang menggunakan harta ke jalan Allah s.w.t. Selain itu, hadith ini juga menganjurkan keperluan kepada sifat qana'ah dalam diri iaitu menjadikan harta itu hanya di tangan bukannya meletakkan harta itu di hati.

Hadith kedua: Hadith yang menyatakan bagaimana zuhud dalam amal ibadat

Terjemahan: Daripada Aisyah saya bertanya kepada Aisyah r.a : “Amalan apakah yang paling dicintai oleh Nabi s.a.w ? dia menjawab: “Iaitu amalan yang dikerjakan secara terus menerus.” (Sahih al-Bukhari, no. hadith 6462)

Hadith menganjurkan agar terus menerus dalam melakukan amal ibadat walaupun dalam kuantiti yang sedikit kerana Allah melihat kepada keikhlasan dan konsistensi sesuatu amalan. Konsep kesederhanaan dalam beribadat membawa maksud sebagai tidak berlebihan sehingga memaksa diri dalam beribadah dan akan menyebabkan seseorang itu bosan sehingga meninggalkan amal ibadah tersebut (Ibn Hajar al-Asqalani, 2005).

Menurut Imam Nawawi (1995), seseorang itu perlu melaksanakan amal ibadat mengikut kadar kemampuannya. Jika seseorang itu melaksanakan amal ibadat tanpa mendatangkan sebarang kesulitan maka amal itu akan dilakukan dengan lebih kerap dengan hati yang tenang. Jika seseorang itu melakukan amal ibadat dengan penuh bebanan tanpa kelapangan hati, maka seseorang itu akan mudah berputus asa dan meninggalkan amalan tersebut.

Selain itu, segala amal ibadat yang dilakukan itu perlulah mengikut garis panduan sunnah Nabi s.a.w. Jika seseorang itu beramal dengan amal ibadat yang bercanggah dengan sunnah Nabi s.a.w maka ianya akan tertolak sama sekali. Oleh itu, sebagai hamba yang sentiasa menghambakan diri kepada Allah maka perlulah memperbaiki segala bentuk amalan itu supaya mematuhi piawaian syara' Islam dan sunnah Rasulullah s.a.w.

Hadith Ketiga: Hadith yang Menyatakan Zuhud Dalam Percakapan

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah “Sesungguhnya seorang hamba yang mengeluarkan perkataan tanpa diteliti dan kerana perkara itulah akan menyebabkan dia terperosok ke dalam neraka yang lebih jauh daripada apa yang ada di antara timur”. (Sahih al-Bukhari, no. hadith 6477)

Hadith ini membincangkan mengenai percakapan yang menyebabkan seseorang itu masuk ke dalam neraka kerana percakapannya itu. Menurut Ibn Wahhab, balasan ini adalah untuk orang yang mengucapkan ucapan yang buruk dan keji sungguhpun ucapan itu tidak menjurus kepada bangkangan terhadap perintah Allah s.w.t. Menurut Imam Nawawi pula, hadith ini merupakan anjuran untuk memelihara pertuturan. Bagi yang bertutur hendaklah memikirkan apa yang hendak diucapkannya tetapi jika tiada apa yang perlu diperkatakan maka hendaklah diam (Ibn

Hajar Al-Asqalani, 2005). Menurut ‘Abdurrahman al-Mubarakfuri (T.t), jika seseorang itu bercakap perkara yang elok maka Allah s.w.t akan redha diatas percakapannya itu dan jika tidak maka sebaliknya akan berlaku.

Hadith Keempat: Hadith yang Menyatakan Zuhud Terhadap Makanan

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w berdoa, “Ya Allah, berikanlah bekalan makanan kepada keluarga Muhammad.” (Sahih al-Bukhari, no. hadith 6460)

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (2005), hadith ini menunjukkan keutamaan mengambil kemewahan dunia secukupnya dan bersikap zuhud terhadap harta melebihi kehendak kerana perlu mengutamakan yang kekal daripada fana iaitu mengutamakan akhirat daripada perkara dunia. Selain itu menurut al-Qurtubi, hadith ini menunjukkan Nabi s.a.w meminta rezeki makanan secukupnya sahaja kerana makanan yang sederhana akan menguatkan tubuh.

Terdapat hadith Rasulullah s.a.w yang menyatakan bahawa baginda s.a.w tidak pernah kenyang ketika makan siang atau makan malam sehingga kewafatannya. Merujuk kepada hadith ini, menurut at-Tabari, Nabi dan para sahabat bukan hidup dalam kesulitan harta sehinggakan tidak mampu untuk menikmati makanan yang mewah tetapi kerana mereka semua tidak menyukai kekenyangan dan banyaknya hidangan makan (Ibn Hajar Al-Asqalani, 2005).

Hadith Kelima: Hadith yang Menyatakan Zuhud dalam Mencari Rezeki

Terjemahan: Daripada Abdullah bin Amru bin Al-‘As bahawa Rasulullah s.a.w bersabda : “Telah beruntung orang yang berserah diri dan diberi rezeki secukupnya dan telah dipuaskan oleh Allah dengan apa yang diberikan kepadanya”. (Sahih al-Muslim, no. hadith 2426)

Menurut Imam Nawawi (1995), beruntung bagi orang yang berserah diri dan diberi rezeki yang cukup dan dipuaskan oleh Allah dengan apa yang diberikan kepadanya iaitu sesuatu itu tidak lebih dan tidak kurang. Berserah diri disini ialah bertawakal kepada Allah s.w.t dalam mencari rezeki. Bertawakal bukanlah bermaksud tidak berusaha tetapi bertawakal itu perlu kepada proses pencarian rezeki dan tidak memintaminta rezeki daripada orang lain atau menunggu rezeki pemberian orang. Jika seseorang itu tidak berusaha untuk mencari rezeki mereka itu seperti ingin mengabaikan dunia (Ibn Hajar al-Asqalani, 2005). Selain itu terdapat hadith Nabi dalam menggalakkan

untuk memakan makanan daripada hasil usaha diri sendiri (Sahih al-Bukhari, no. hadith 2072)

Menurut Ibn Hajar al-‘Asqalani (2005), seseorang itu tidak boleh berkeyakinan bahawa rezeki itu datang daripada hasil usahanya sendiri tetapi harus menyatakan bahawa rezeki itu datang daripada Allah melalui usahanya. Perlu diketahui bahawa, keutamaan pekerjaan itu adalah dengan menyibukkan diri dengan urusan-urusan mubah sehingga dapat mengurangi pengangguran dan dapat menjaga kehormatan diri daripada kehinaan meminta-minta serta kebergantungan kepada orang lain.

Hadith Keenam: Hadith yang Menyatakan Zuhud Itu adalah Wara’, Tawadu’, Redha dan Pendek Angan-Angan.

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, “Wahai orang yang paling taat beribadah. Jadilah orang yang paling wara’, nescaya engkau termasuk orang yang paling taat beribadah. Jadilah orang yang selalu merasa berkecukupan, nescaya engkau termasuk orang yang bersyukur. Cintai manusia seperti engkau mencintai dirimu, nescaya engkau menjadi orang yang beriman. Bergaulah dengan jiranmu dengan baik, nescaya engkau akan menjadi orang muslim. Kurangi ketawa kerana ketawa itu akan mematikan hati”. (Sunan Ibn Majah, no. hadith 4217)

Hadith di atas merupakan anjuran untuk memiliki sifat yang baik seperti wara’, qana’ah, beriman, berbuat baik dengan jiran serta mengurangkan gelak ketawa. Untuk menjadi seorang Muslim yang baik, seseorang itu perlulah menjaga percakapan dan tangannya. Wara’ ialah orang yang berakal memikirkan baik buruk sesuatu pekerjaan yang akan dilakukan. Orang yang mempunyai sifat wara’ akan melakukan perkara yang disuruh dan meninggalkan perkara yang dilarang. Demikian itu, wara’ dikenali sebagai satu akhlak yang mulia (Al-Sindi, 1996).

Kesimpulan

Kesimpulannya, zuhud merupakan satu kehidupan sederhana dan wajar diaplikasikan dalam segala bentuk kehidupan di dunia. Konsep ini merangkumi segala macam bentuk kehidupan antaranya zuhud harta dan dunia bermaksud tidak terlalu mengejar kehidupan dunia bukannya dengan meninggalkan keseluruhan kehidupan dunia. Islam tidak pernah melarang seseorang itu untuk mengumpulkan harta dunia, tetapi mengumpul harta dunia sekadar keperluan dan menggunakan harta itu ke jalan Allah s.w.t.

Zuhud juga boleh dikenali melalui cara percakapan dengan memikir dahulu baik buruk perkara yang hendak diucapkan. Zuhud dalam amal ibadat ialah

besederhana dalam beribadat dan tidak terlalu berlebihan. Zuhud terhadap makanan bukanlah dengan menjauhkan makanan yang enak dan memilih makanan yang ala kadar tetapi zuhud terhadap makanan bermaksud besederhana dalam mengambil makanan dan lebih mementingkan kualiti dari kuantiti.

Zuhud dalam mencari rezeki ialah bertawakal sepenuhnya kepada Allah s.w.t. Penyerahan dan ikhtiar adalah seiring. Maksud tawakal adalah menyerahkan segalanya kepada Allah s.w.t seiring dengan usaha, tanpa mengabaikan pengibadatan. Zuhud bererti bijak dalam membahagikan masa antara mencari rezeki dan ibadat kepada Allah s.w.t. Zuhud juga berkait rapat dengan wara’, tawadu’, redha dan pendek angan-angan. Wara’ ialah melakukan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang. Tawadu’ pula ialah mengurangi persaingan dalam mencari harta dunia. Redha pula ialah bersabar apabila diuji dan tidak terlalu gembira apabila mendapat nikmat Allah dan yang terakhir pula ialah pendek angan-angan iaitu tidak menanguhkan masa untuk beramal ibadat kepada Allah s.w.t.

Bibliografi

‘Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah. (1987) *Tasauf: Perkembangan dan Pemurniannya*, Jakarta: Pustaka Panjimas, 74.

‘Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah. (1971) *Pelajaran Agama Islam*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 35.

‘Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah. (2009) *Tasauf Modern*, Kuala Lumpur: Darul Nu‘man, 228.

Abu ‘Abdullah bin Muhammad bin Muslim bin Qutaybah al-Dinuri. (1962) *‘Uyun al-Akhbar*, (al-Qahirah: Muassasah, 2: 357.

Abu ‘Abdullah Muhammad bin Isma’il al-Bukhari. (2000) *Sahih al-Bukhari dalam Mawsu’ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd al-‘Aziz Al al-Shaykh, Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi’, 162, 542-544.

Abu ‘Isa Muhammad bin ‘Isa bin Saurah bin Musa at-Tirmidhi. (2000). *Jami’ Tirmidhi dalam Mawsu’ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd al-‘Aziz Al al-Shaykh, Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi’, 1886.

Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushairi al-Nisaburi. (2000). *Sahih al-Muslim dalam Mawsu’ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed.

- Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh, Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', 843.
- Abu al-Wafa' al-Taftazani. (1970). *Al-Madkhal ila al-Tasawwuf al-Islami*, al-Qahirah: Dar al-Saqafah, 59.
- Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. (1996). *Ihya' Ulumuddin*, Mansurah: Maktabah al-Iman, 4:301.
- Abu Ishaq Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Lakhmi Al-Syatibi. (T.t) *Al-I'tisam*, Maktabah at-Tauhid, 2:217.
- Abu Nasr as-Sarraj at-Tussi. (1960). *Al-Luma'*, ditahqiq oleh 'Abd al-Halim Mahmud dan 'Abd al-Baqi Surur, al-Qahirah: Dar al-Kitab al-Hadithah, 72.
- Aceng Kosasih. (2015). The Tradition for Spiritual Learning (Tariqat) through a Sequence of Holy Phrases (Tijaniyah): The Case of Darussalam Boarding School," *Asian Social Science* Vol. 11, No. 21, 71.
- Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-Asqalani. (2005). *Fath al-Bari bi Syarah Sahih al-Bukhari* ditahqiq oleh Abu Qutaibah Nazar bin Muhammad al-Fariyabi, Riyad: Dar al-Thaiyyibah, 14: 565-622
- Al-Falembani, 'Abd al-Samad. (2008). *Hidayatus al-Salikin*, disunting oleh Ahmad Fahmi bin Zamzam, Kedah: Khazanah Banjariah, 224.
- Al-Imam Abu al-Hasan al-Hanafi al-Ma'ruf bi al-Sindi (1996), *Syarah Sunan Ibn Majah* ditahqiq oleh Syeikh Khalil Ma'mun Syaihan, Beirut: Dar al-Ma'rifah, 4: 422-476
- Al-Imam Abu al-Qasim al-Qusyairi. (1989). *Risalah al-Qusyairiyyah*, ditahqiq oleh al-Imam 'Abd al-Halim dan Mahmud bin Syarif, Dr. (al-Qahirah: Muassasah Dar al-Sya'b, 219-220.
- Al-Imam al-Hafiz Abu al-'Ala Muhammad 'Abdur Rahman bin 'Abdul Rahim al-Mubarakfuri. (T.t) *Tuhfatul Ahwadhi Bi Syarah Jami' Tirmidhi* ditahqiq oleh 'Abdurrahman Muhammad Uthman, Dar al-Fikr, 6:609-620.
- Al-Imam 'Abdul Halim Mahmud. (T.t). *Fatawa Imam 'Abdul Halim Mahmud*, Kaherah: Dar al-Ma'arif, 2:391.
- Al-Razi, Muhammad Ibn Abu Bakr Ibn 'Abd al-Qadir. (1967). *Mukhtar al-Sihah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi, 276.
- Amin Syukur. (2000). *Zuhud di Abad Modern*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1-14.
- Badiuzzaman Said al-Nursi. (2007). *The Letters: Epistles in Islamic Thought, Belief and Life*, terj. Huseyin Akarsu, New Jersey: The Light Inc, 20.
- Abdullah Muhammad Zain. (2015). "Tasawuf dan Tarekat Sunni: Sejarah dan Disiplin Amalan," (Kertas kerja Seminar Sufi Menurut Pendekatan Wasatiyyah Peringkat Kebangsaan anjuran JAKIM, IWM, MAIS dan MAIWP, dewan Dato' Shahrir, ILIM, 7-8 September, 5-7
- Ibn Manzur. (T.t). *Lisan al-'Arab*, al-Qahirah: Dar Al-Ma'arif, 1876.
- Ibn Qayyim al-Jauzi. (2001). *Madarij Salikin*, al-Qahirah: Muassasah al-Mukhtar, 1:438.
- Imam Mahyuddin an-Nawawi. (1995). *Syarah Sahih Muslim Imam Nawawi*, ditahqiq oleh Syeikh Khalil Ma'mun Syaihan, Beirut: Dar al-Ma'rifah, 6: 313, 7:146.
- Johari bin Alias. (1994). *Mengurus Keduniaan*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 161.
- Maruyama Daisuke. (2015). "Redefining Sufism in Its Social and Political Contexts: The Relationship between Sufis and Salafis in Contemporary Sudan," *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 40.
- Mohd Idris Abd al-Rauf al-Marbawi al-Azhari. (T.t) *Mukhtasar Sahih al-Tirmidhi wa Syarhuhu bi Lughah al-Jawi al-Malayu al-Musamma Bahrul Mazi*, Al-Qahirah: Dar al-Fikr, 16: 108.
- Mohd Shauki Abdul Majid. (2004). *Wacana Hadhari dalam Islam*, Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn Bhd, 25.
- Muhammad bin 'Ali bin 'Athiyah al-Harithi Abu Talib al-Makki. (T.t). *Qut al-Qulub fi Mu'amalat al-Mahbub wa Wasfi Tariq al-Murid ila Maqam at-Tauhid*, Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, 2: 833-839.
- Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini. (2000). *Sunan Ibn Majah dalam Mausu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh, Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', 2726 & 2733.
- Sa'id Hawwa. (2004). *Al-Mustakhlis fi Tazkiyah al-Anfus*, al-Qahirah: Dar al-Salam, 275.

Syeikh ‘Abd al-Qadir bin Abdul Mutalib al-Indonesi. (1964). *Penawar Bagi Hati*, Thailand: Sahabat Press, 71.

Syeikh Tajuddin Abul ‘Abbas Ahmad Ibn ‘Ataillah al-Sakandari. (2005). *Tajul Urus: Mahkota Pengantin Orang-orang ‘Arif Billah*, terj. Syeikh Othman al-Fantayani bin Haji Syihabuddin al-Banjari, disusun oleh Amdan bin Hamid, Johor Bahru: Jahabersa, 169.

Syeikh Zainul ‘Abidin bin Muhammad Al-Fatani. (2012). *Aqidatun Najin Fi ‘Ilmu Usuluddin*, dirumikan oleh Noraine Abu, Batu Caves: al-Hidayah, 346.

Yusof al-Qaradawi. (2005). *Kemiskinan dan Cara Islam Mengatasinya*, terj. Arsil Ibrahim, Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam, 15.

Zakaria Stapa. (2012). Pendekatan Tasawuf dan Tarekat: Wadah Pemerksaan Jati Diri Ummah”, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 10-11.